

KENYATAAN MEDIA

26 NOVEMBER 2021

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Orang Ramai Diingat Ambil Langkah Keselamatan Elektrik Hadapi Banjir**

**Putrajaya, 26 November** – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai terutamanya yang tinggal di lokasi rendah atau di kawasan yang berisiko dinaiki air banjir supaya sentiasa berwaspada dan bersedia menjelang tibanya musim banjir.

Banjir membawa pelbagai kemudaratan dan impak yang negatif kepada alam sekitar, kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Bagi sistem pembekalan elektrik pula, banjir boleh mengakibatkan kerosakan kepada pemasangan elektrik pemegang lesen/utiliti seperti pencawang elektrik, alat ubah, janakuasa dan solar fotovoltaiik (PV). Di samping itu juga, banjir boleh mengakibatkan tiang elektrik patah/tumbang, talian elektrik putus/jatuh, kabel bawah tanah terputus dan sebagainya.

Pengetahuan mengenai risiko akan bahaya elektrik ketika menghadapi musim banjir adalah penting bagi memastikan keselamatan orang ramai sentiasa terjamin dan mencegah daripada berlakunya kemalangan yang mungkin berpunca daripada elektrik dan mengelakkan kemusnahan harta benda.

ST mengambil inisiatif untuk berkongsi langkah-langkah pengawasan yang boleh dilakukan oleh orang ramai sebagai persediaan awal menghadapi banjir seperti berikut:

### **Sebelum banjir**

Sekiranya mempunyai masa sebelum diarah berpindah, pastikan perkara berikut dilakukan:

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- Matikan bekalan masuk utama ke rumah di papan agihan dengan meletakkan suis utama pada kedudukan 'OFF'.
- Pastikan semua suis dalam keadaan 'OFF' dan cabutkan palam kuasa daripada soket kuasa semua kelengkapan elektrik.
- Sekiranya rumah anda dipasang dengan sistem solar PV atau pagar elektrik, matikan sistem tersebut sebelum anda keluar rumah.
- Simpan kelengkapan elektrik di tempat yang tinggi dan selamat daripada ditenggelami atau terkena air banjir.
- Pastikan menyimpan nombor telefon pejabat kecemasan seperti nombor balai polis, bomba, hospital dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berdekatan, dan pastikan nombor tersebut mudah diakses semasa kecemasan.

### **Semasa banjir**

- Elakkan daripada melalui kawasan yang ada talian elektrik, kerana paras air yang tinggi akan menyebabkan talian tersebut mudah disentuh, terutamanya pada waktu malam kerana ketika itu penglihatan tidak begitu jelas.
- Jauhkan diri daripada lokasi yang terdapat talian elektrik jatuh atau putus, bagi mengelak daripada renjatan elektrik akibat talian yang masih berarus elektrik.
- Jangan pegang tiang elektrik/tiang lampu/lampu isyarat atau dawai umbang tiang semasa banjir atau hujan kerana kemungkinan terdapat arus bocor.
- Dilarang menggunakan tiang elektrik dan dawai umbang tiang sebagai tiang ampaian.
- Apabila berada di luar rumah, jangan hampiri pemasangan elektrik seperti pencawang atau bilik suis elektrik yang ditenggelami air, mengalih atau membaiki tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus atau jatuh ke tanah dan segera lapor kepada pihak pemegang lesen/utiliti.
- Jangan pegang tiang besi 'porch' rumah kerana dikhuatiri ada kebocoran arus.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

## Selepas banjir

- Berhati-hati apabila berada di kawasan banjir kerana kelengkapan elektrik dan pemasangan elektrik yang ditenggelami air berpotensi mendatangkan bahaya. Ia boleh mengalirkan arus elektrik di kawasan persekitarannya dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa.
- Pastikan suis utama di papan agihan berada pada kedudukan 'OFF' sebelum membersihkan peralatan elektrik atau pendawaian rumah, untuk mengelakkan renjatan apabila pihak utiliti menyambung semula bekalan.
- Jangan menyentuh atau memotong atau menarik dahan pokok yang jatuh menimpa talian elektrik. Ianya mungkin masih bertenaga dan boleh mengakibatkan renjatan.
- Jangan gunakan kelengkapan elektrik yang terendam di dalam air atau pastikan semuanya diperiksa dan berkeadaan kering sebelum menggunakannya. Elakkan menggunakan kelengkapan elektrik yang diragui keselamatannya.
- Sebelum 'ON' suis utama, periksa semua pendawaian rumah dan kelengkapan elektrik yang terdapat di dalam rumah. Pemeriksaan ini hendaklah dilakukan oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST.
- Jangan biarkan anak-anak bermain dalam kawasan pencawang elektrik yang telah ditenggelami banjir atau berhampiran dengan tiang elektrik yang tumbang atau di sekitar talian elektrik yang kendur atau jatuh di tanah.

ST berharap perkongsian ini dapat membantu menyelamatkan orang ramai daripada mengalami sebarang kemalangan disebabkan oleh arus elektrik sama ada berpunca daripada pemasangan sendiri atau pemasangan pemegang lesen/utiliti. Jika terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai pemasangan pemegang lesen/utiliti, hubungi talian khidmat TNB 15454 bagi seluruh negeri Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah, hubungi talian khidmat SESB 15454 (Celcom Sahaja) atau 088-515000 (Digi & Maxis sahaja).

**\*\*\*Tamat\*\*\***

---

### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)/[harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.